



Seramai **45 calon** Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) SRI AL-AMIN KERTEH bakal menduduki peperiksaan bermula **5 hingga 8 September 2016** ini berdasarkan tarikh peperiksaan yang telah ditetapkan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia. Tahun ini menjadi cabaran buat murid apabila mereka perlu mengambil mata pelajaran tambahan iaitu Bahasa Inggeris Penulisan yang menjadikan keseluruhan, enam subjek. Pihak sekolah berharap semua calon dapat kekal fokus serta memastikan semua persediaan awal telah dilakukan termasuklah menjaga kesihatan dan memastikan persediaan alat tulis mencukupi. Pihak sekolah menyasarkan **30 calon** memperoleh 6A dengan harapan UPSR pada tahun ini berjalan lancar dan tidak berlaku sebarang perkara yang boleh mengganggu kelancaran peperiksaan.

Bittaufiq Wannajah fil imtihan anak-anak 6 Usamah & 6 Abu Ubaidah Al-Amin Kerteh

serta semua calon UPSR 2016! "Allahumma yassir wala tu'assir. Rabbi tammim bilkhoir.
Birokhtatikaya Arhamarrohimin." □ "Ya Tuhan,

permudahkanlah urusanku, permudahkanlah jangan disulitkan"

Bittaufiq Wannajah fil imtihan! Ya rabbi najjihna fil kulli imtihan fid dunya walakhirah..

Ya Tuhan berikanlah kami kejayaan dalam setiap ujian di dunia dan akhirat..amiin

ALLAH BERFIRMAN : "DAN ORANG2 YG BERUSAHA DENGAN BERSUNGGUH2 KERANA MEMENUHI AGAMA KAMI, NESCAYA KAMI TUNJUKI MEREKA KE JALAN KAMI.."

Andainya ditakdirkan kecemerlangan, itu sebenarnya dari ALLAH, □

Andainya ditakdirkan kegagalan, itu juga sebenarnya dari ALLAH ,

TAPI ingatlah walau kita cemerlang atau tidak, berjaya atau gagal, hakikatnya kedua-dua itu pasti ada hikmahnya.. Yang penting, kita dah usaha yang terbaik dengan kudrat dan iradat yang diberikan ALLAH.